



LEE Tian Hock (empat kiri), pada majlis pembukaan rasmi Galeri Jualan Levvia Residence di Taman Shamelin Perkasa Cheras di sini, semalam. - UTUSAN/FAUZI BAHARUDIN

Matrix Concepts peruntuk GDV RM523j untuk Levvia Residence

KUALA LUMPUR: Pemaju perumahan, Matrix Concepts Holdings Berhad (Matrix Concepts) memperuntukkan nilai pembangunan kasar (GDV) berjumlah RM523 juta untuk projek terbaharunya, Levvia Residence di Cheras.

Projek kediaman jenis kondominium 36 tingkat itu melibatkan dua menara dengan 778 unit di atas tanah seluas 1.9 hektar tanah.

Menara A projek berkenaan, yang terdiri daripada 389 unit

meliputi empat jenis kediaman A hingga D dengan keluasan binaan antara 938 kaki persegi hingga 1,364 kaki persegi bermula harga dari RM684,000.

Pengasas dan Timbalan Pengerusi Eksekutif Kumpulan Matrix Concepts, Datuk Seri Lee Tian Hock berkata, projek yang dijangka siap pada suku ketiga 2027 itu mendapat sambutan menggalakkan dengan 75 peratus kadar pengambilan di kedua-dua menara.

"Kami juga optimis untuk

mencapai prospek semasa melalui empat jenis kediaman yang direka untuk memenuhi setiap kategori pasaran.

"Ini dapat dilihat apabila keseluruhan unit berharga paling rendah iaitu jenis A telah habis dijual," katanya kepada pemberita pada majlis pelancaran Projek terbaru itu di sini, semalam.

Tian Hock berkata, Matrix Concepts merancang reka bentuk Levvia Residence secara strategik dengan pengalaman mewah.